

20 NOV 1999

Pencalonan-Kedah (Rangkuman)

BN DICABAR DI SEMUA KERUSI DUN, PARLIMEN DI KEDAH

ALOR SETAR, 20 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dicabar di kesemua 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 15 kawasan Parlimen di Kedah, yang sebahagian besarnya adalah pertandingan satu lawan satu dengan calon PAS.

PAS bertanding di 32 kerusi DUN dan 11 kawasan Parlimen, DAP di empat kawasan DUN dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di empat kerusi Parlimen. Terdapat tiga calon bebas yang bertanding di dua kerusi DUN.

Hanya kerusi DUN Lunas menyaksikan pertandingan empat penjuror di antara BN, DAP dan dua calon bebas.

Kerusi DUN Bukit Selambau pula menyaksikan pertandingan tiga penjuror di antara BN, PAS dan seorang calon bebas.

Kesemua kerusi parlimen menjadi rebutan satu lawan satu di antara calon BN dan PAS, kecuali tiga iaitu Merbok, Padang Serai dan Kulim/Bandar Baharu yang ditandingi BN dan Keadilan Nasional.

BN meletakkan lima calon wanita pada pilihan raya ke-10 ini tetapi tiada seorang pun calon wanita dari parti pembangkang dan bebas.

Bekas wartawan Rosnah Abdul Majid, yang juga ketua wanita Umno Merbok, bertanding di DUN Tanjong Dawai, ketua wanita Umno Kubang Pasu Hajah Barishah Saad di DUN Tunjang, muka baru Siti Meriam Salleh di DUN Belantek, Marlia Abdul Latif di DUN Merbau Pulas dan Lim Bee Kau di Parlimen Padang Serai.

Pada pilihan raya kali ini, BN meletakkan 19 muka baru di Kedah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu yang disandangnya sejak 1974 dicabar oleh anggota jawatankuasa PAS Pusat Subky Latif.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid pula perlu menewaskan calon PAS, Che Din Arshad, untuk mengekalkan kerusi DUN Kuah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman ditentang oleh calon PAS Datuk Shahnon Ahmad di Parlimen Sik manakala Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Othman Abdul dicabar Presiden PAS Datuk Fadzil Noor di Parlimen Pendang.

Fadzil, dalam satu langkah mengejutkan, turut melepaskan kubu kuatnya di DUN Bukit Raya untuk menentang calon BN Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin di DUN Anak Bukit.

PAS mencalonkan Mohamed Taulan Rasul, seorang peguam, untuk menangkis cabaran calon BN Abdullah Bahari di Bukit Raya.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, yang mempertahankan kerusi Parlimen Merbok, dicabar oleh calon Keadilan Mochtar Mansor manakala Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Kadir Sheikh Fadzir menghadapi pertandingan satu lawan satu dengan calon Keadilan Sheikh Azmi Ahmad.

Pada pilihan raya umum kesembilan, BN menyapu bersih kesemua kerusi Parlimen tetapi tumpas di dua kerusi DUN -- Sala dan Bukit Raya -- kepada PAS.

-- BERNAMA

MFJ NAK